



EXCO KESIHATAN AWAM & ALAM SEKITAR

#KitaSelangor

12 JUN 2024

KENYATAAN MEDIA BERKENAAN

PELANCARAN IKON ALAM SEKITAR NEGERI SELANGOR

Pada Sabtu (8 Jun 2024) yang lepas, Duli Yang Teramat Mulia (DYTM) Raja Muda Selangor, Tengku Amir Shah, telah berkenan mencemar duli merasmikan pelancaran Ikon Alam Sekitar Negeri Selangor bertempat di Pusat Konservasi Hidupan Liar (PKHL) Sungai Dusun, yang terletak dalam Hutan Rizab Hidupan Liar Sungai Dusun. Sempena majlis ini, Tapir Malaya telah dipilih sebagai ikon yang melambangkan generasi baru hidupan liar yang akan dilindungi dan disayangi, dengan menekankan mesej “pemeliharaan dan pemuliharaan” untuk masa hadapan. Pusat ini merupakan satu-satunya pusat pembiakan tapir secara separa liar (*semi-wild*) di Malaysia di bawah Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (PERHILITAN) di PKHL Sungai Dusun ini yang bertanggungjawab menjalankan program konservasi bagi spesies Tapir Malaya sejak tahun 2004.

Sebagai latar belakang, seekor anak tapir telah dilahirkan pada 12 Februari 2024 yang lalu di PKHL Sungai Dusun. Kelahiran anak tapir ini merupakan yang pertama bagi tahun 2024, dan telah dinamakan sebagai “BUMI”. “BUMI” mewakili planet yang kita diami dan mempunyai sentuhan tempatan yang melambangkan kekayaan alam semula jadi Selangor dan Malaysia, serta membantu mengekalkan biodiversiti dan kestabilan ekosistem tropika Negeri Selangor. “BUMI” akan menjadi wajah utama dalam kempen-kempen, program-program, serta siri pendidikan berkaitan dengan kesedaran alam sekitar yang akan dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri Selangor.

Seterusnya, DYTM Raja Muda Selangor telah berkenan melepaskan empat (4) ekor burung kuang raya (*argusianus argus*) ke Hutan Rizab Hidupan Liar Sungai Dusun. Burung kuang raya merupakan haiwan yang dilindungi sepenuhnya di bawah Akta Pemuliharaan Hidupan Liar 2010 dan *International Union for Conservation of Nature*

PEJABAT EXCO KESIHATAN AWAM & ALAM SEKITAR NEGERI SELANGOR

Tingkat 2, Bangunan Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah
40503 Shah Alam, Selangor, Malaysia
Tel: 03 5544 7623 Emel: jamaliah.selangor@gmail.com



EXCO KESIHATAN AWAM & ALAM SEKITAR

(IUCN) yang disenaraikan sebagai haiwan terancam. Burung kuang raya yang dilepaskan ini merupakan hasil daripada program pembiakan burung spesies terancam yang dilaksanakan oleh Jabatan PERHILITAN. Program pelepasan burung ini bertujuan meningkatkan populasi spesies burung kuang raya dalam rizab hidupan liar dan bagi menjamin kelestarian spesies ini daripada mengalami kepupusan.

Seterusnya, Duli Yang Teramat Mulia (DYTM) Raja Muda Selangor juga telah berkenan menanam anak pokok rambutan pacat di Hutan Rizab Hidupan Liar Sungai Dusun dengan diiringi oleh EXCO Kesihatan Awam dan Alam Sekitar, YB Puan Jamaliah Jamaluddin bersama-sama dengan para tetamu kehormat yang lain. Sebanyak 15 batang anak pokok rambutan pacat telah ditanam, yang juga merupakan antara sumber makanan Tapir Malaya. Program menanam pokok ini turut disertai oleh para pelajar daripada SK Seri Fajar, SK Sg. Tengi dan Persatuan Benih Hijau yang telah bersama-sama menanam sebanyak 100 pokok hutan menyokong Kempen Penanaman Pokok 11 Juta di Negeri Selangor.

Sekalung penghargaan terima kasih dan ucapan tahniah kepada jawatankuasa kerja yang terlibat, terutamanya Unit Perancang Ekonomi Negeri Selangor, Jabatan PERHILITAN Negeri Selangor serta PBT, Jabatan dan Agensi yang lain yang telah membantu dan bekerjasama untuk menjayakan majlis ini. Melalui Jawatankuasa Tetap Alam Sekitar, Perubahan Iklim dan Teknologi Hijau, Kerajaan Negeri komited dalam menjalankan inisiatif kesedaran alam sekitar melalui pelbagai usaha seperti program pendidikan, pemantauan berkala dan penguatkuasaan undang-undang. Justeru, kerjasama daripada semua pihak adalah amat penting dalam usaha ke arah persekitaran yang lebih hijau dan lestari.

Y.B. PUAN JAMALIAH BINTI JAMALUDDIN

EXCO Kesihatan Awam dan Alam Sekitar

PEJABAT EXCO KESIHATAN AWAM & ALAM SEKITAR NEGERI SELANGOR

Tingkat 2, Bangunan Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah
40503 Shah Alam, Selangor, Malaysia

Tel: 03 5544 7623 Emel: jamaliah.selangor@gmail.com